

© FOKUS

MAN Truck & Bus Malaysia kini memperkenalkan trak 'tipper/mining' terbaharu jenama itu, iaitu MAN TGX 41.480. Hal itu dilihat sebagai penanda aras buat kesediaan mereka untuk melebarkan sayap di Malaysia disamping beberapa rancangan lain yang sedang diatur.

Pengarah Urusannya, Hartmut Mueller memaklumkan mengenai rancangan MAN untuk memajukan langkahnya dengan adanya sekatan bagi industri logistik selain kemungkinan berlakunya kemajuan perniagaan yang pesat dan diikuti dengan pengenalan diesel Euro 5 yang dijangka bakal bermula tidak lama lagi.

Pada 2015, apakah jangkakan anda mengenai industri trak Malaysia?

Terdapat dua isu utama yang sedang dialami oleh industri. Pertama, kita berhadapan dengan pengurangan bajet dari pihak kerajaan. Beberapa projek tidak lagi diberi subsidi atau dibiayai seterusnya jualan bagi kenderaan komersial juga akan merosot.

Kedua, pelaksanaan GST akan memberi impak buat industri dan dunia perniagaan. Misalnya, pelanggan yang menempah trak pada akhir Disember tahun lalu akan menyangka harga belian akan sama seperti yang tertulis diinvois walhal harga semasa adalah lebih berbanding sebelumnya.

Seterusnya, informasi yang diperoleh oleh pihak syarikat juga tidak mencukupi. Oleh itu, sebarang aktiviti pelaburan terjejas kerana pelabur tidak menjangka akan perubahan cukai sebanyak 6 peratus. Pihak bank juga menghadapi kesulitan dalam operasinya, demikian pula syarikat-syarikat perlu membayar GST terlebih dahulu dan ini

MAN bersedia lebar sayap

» Perkenal model baharu di pasaran Malaysia



Trak MAN TGX terbaharu tampilkan pelbagai ciri terkini.

membawa kesan pada aliran nilai mereka.

Ketelusan amat diperlukan oleh industri bagi menghadapi GST maka pihak kerajaan harus mencari penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah yang timbul.

Adakah anda melihat GST sebagai unsur yang memperlahankan usaha perkembangan perniagaan MAN?

Tidak. Malah matlamat utama kami ialah untuk terus melebarkan empayar kami. Buat masa ini kami memiliki cawangan di Johor Bahru dan Perai di Pulau Pinang. Impian kami ialah untuk menambah sekurangnya sebuah rangkaian bagi setiap tahun operasi. Buktiinya, kami sedang

giat bekerjasama dengan persatuan yang sudi untuk membuka kedai servis di Kuching dan Bintulu di Sarawak.

Di Eropah, bus hibrid bandar MAN Lion dapat dilihat di jalan raya disana. Adakah anda merancang untuk membawanya ke pasaran Malaysia?

Sesungguhnya tiada halangan untuk merealisasikan jika ada pihak yang mahu membayarnya. Teknologi sedia ada ini agak mahal berbanding kos teknologi diesel. Pada tahun hadapan, kami berharap agar dapat mengumpul maklumat mengenai teknologi bas terkini, apa yang ditawarkan dan apakah ciri-ciri yang menepati citarasa Malaysia.



Hartmut Mueller.

Kami sedia maklum produk MAN dipasang di Malaysia. Adakah proses pemasangan trak baharu TGS 41.480 telah dimulakan?

Ya. Kami menerima lima tempahan untuk trak berkenaan dan merancang untuk melakukan proses penghanta-



ran secepat mungkin.

Diesel Euro 5 dijangka boleh diperoleh di stesen petrol di sekitar Lembah Klang tidak lama lagi. Bagaimana hal ini dapat membantu negara, industri trak dan semestinya MAN?

Untuk melihat diesel Euro 5 digunakan di negara ini ialah satu daripada harapan terbesar saya. Jika di Eropah, anda tidak akan melihat satu pun trak yang mengeluarkan asap hitam. Ini adalah kerana mereka menggunakan diesel Euro 6.

Pastinya ia akan memberi kelebihan buat MAN kerana trak kami datang dengan ki-

taran servis yang lebih lama, maksudnya mereka mampu mengurangkan kos servis dan penggunaan minyak.

Sekiranya diesel Euro 5 mula diperkenalkan di Malaysia, adakah MAN memperkenalkan lebih banyak model seperti TGX?

TGX merupakan trak pengangkutan logistik dengan jangka hayat panjang. Ya, kami akan membinanya sekiranya terdapat diesel bersih di negara ini. Trak TGX lebih tinggi dan besar dari model TGS maka pemandu pasti akan menghabiskan banyak masa bersama trak itu.

• Adela Megan Willy